

Konsep Healthy Home pikat pengguna beli hartanah

SkyWorld Development tawar kediaman unik, penuh keselesaan


Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Pemaju hartanah terkemuka, SkyWorld Development Bhd, yakin konsep SkyWorld Healthy Home yang diterapkan ke dalam projek pembangunan hartanahnya berupaya menarik minat ramai pembeli kerana menawarkan keunikan dan keselesaan yang tiada tandingan.

SkyWorld Healthy Home adalah pendekatan holistik yang menggabungkan strategi reka bentuk pasif, inovasi pintar, dan ciri mesra alam untuk meningkatkan ke-sejahteraan, kelestarian, dan keselesaan moden dalam pembangunan bandar.

Berkongsikan mengenai falsafah itu Ketua Pegawai Eksekutif SkyWorld Development, Lee Chee Seng, berkata secara asasnya konsep itu berlandaskan empat elemen utama, iaitu yang pertama keselesaan terma, iaitu kualiti suhu dalam bangunan.

Katanya, pihaknya akan menjalankan analisis laluan matahari sebelum melakar reka bentuk bangunan supaya apabila membawa tetamu melawat tapak bangunan pada pukul di antara 11 hingga 12 tengah hari, masih terasa sejuk.



EdgeWood Residences di Sky-Sanctuary, Setapak.



Chee Seng pada sesi lawatan ke projek hartanah SkyWorld Development, EdgeWood Residences di Setapak baru-baru ini. (Foto Nabila Adlina Azahari/BH)

"Ini menunjukkan bahawa sinaran matahari tidak terus mengenai dinding bangunan. Kadangkala, reka bentuk bangunan kami tidak lurus atau tepat 90 derjah, tetapi diputar 25 derjah untuk mengelakkan pendedahan terus kepada matahari serta memaksimumkan pengudaraan silang.

"Pengudaraan silang ialah antara aspek penting dalam analisis Healthy Home kami. Penghuni kondominium biasanya mengharungi pengudaraan yang baik kerana mereka berada di bangunan tinggi.

"Apabila tingkap atau pintu gelangsa dibuka, udara boleh mengalir dengan baik ke dalam unit, sekali gus mengurangkan keperluan penggunaan penyaman udara.

"Oleh itu, reka bentuk kami membangunkan pendekatan pasif, iaitu mengurangkan kebergantungan kepada sistem mekanikal untuk mengawal suhu dan mengurangkan kos penyelenggaran kepada pembeli," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas sesi lawatan ke projek hartanahnya, EdgeWood Residences di SkySanctuary, Setapak baru-baru ini yang turut menampilkan falsafah SkyWorld Healthy Home.

Sebagai projek kediaman ke-11 yang telah siap dibangunkan oleh SkyWorld,

EdgeWood Residences merealisasikan visi ini dengan memberi keutamaan kepada elemen semula jadi, kecekapan tenaga, dan kesejahteraan komuniti.

Mengulas lanjut Chee Seng berkata, pihaknya memahami bahawa bagi sesetengah pembeli, ini mungkin satu-satunya hartanah yang mampu mereka miliki dan oleh itu, prinsip SkyWorld ialah menyediakan rumah yang sihat dan meningkatkan kualiti hidup mereka.

"Selain itu, kami juga membenarkan perhatian kepada aspek kelestarian bunyi dalam unit kediaman. Bunyi boleh meningkat dari bawah ke atas, jadi kami memastikan bahan kedap bunyi berkualiti tinggi digunakan pada tingkap dan pintu gelangsa.

"Ujian yang dijalankan mendapat tahap bunyi dalam unit hartanah kami adalah sekitar 50 desibel, yang merupakan tahap baik. Jika melebihi 60 desibel, ia boleh menjelaskan kualiti hidup penghuni. Inilah antara elemen dalam konsep Healthy Home yang menyumbang kepada kejayaan perniagaan kami," katanya.

Tambah beliau, SkyWorld juga sentiasa menekankan keseimbangan antara kemampuan dan kualiti hidup.

"Kadangkala, tidak semestinya rumah mampu milik itu boleh memberikan kehidupan yang selesa. Bagi kami, kemampuan ber maksud memberikan nilai terbaik kepada pembeli.

"Sebagai contoh, tahun lalu kami memenangi anugerah emas FIABCI World Prix d'Excellence World Gold dalam persaingan dengan HDB Singapura. Kejayaan ini membuktikan bahawa Malaysia mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

"Selain itu, untuk pengetahuan, salah satu hartanah SkyWorld baru-baru ini dilelong dengan harga RM360,000, sedangkan harga jualan asalnya hanya RM300,000. Ini menunjukkan ni-

lai yang kami berikan kepada pembeli melebihi harga yang mereka bayar," katanya.

Chee Seng berkata, dari segi kelestarian, pihaknya memahami bahawa pembangunan yang tidak mampam akan menyebabkan caj penyelenggaran meningkat dalam tempoh beberapa tahun sahaja.

Kos penyelenggaran rendah

"Oleh itu, reka bentuk kami menekankan konsep pasif untuk mengurangkan penggunaan tenaga dan mengekalkan kos penyelenggaran yang rendah.

"Aspek ketiga ialah kualiti. SkyWorld sinonim dengan kualiti. Semua projek kami dari awal hingga kini menjalani penilaian QCLASSIC. Purata skor QCLASSIC Malaysia ialah 74 mata, manakala Skyworld mencapai purata 82 mata, 10 peratus lebih tinggi daripada purata.

"Malahan, untuk projek EdgeWood Residences ini, kami berjaya memperoleh skor tinggi QCLASSIC sebanyak 86 mata, sekali gus menunjukkan tahap kualitinya yang terbaik," katanya.

QCLASSIC (*Quality Assessment System for Building Construction Works*) oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) merupakan sistem atau kaedah untuk mengukur dan menilai kualiti kemahiran kerja berdasarkan *Construction Industry Standard* (CIS 7:2014).

QCLASSIC membolehkan kualiti kemahiran kerja antara projek pembinaan dapat dibandingkan secara objektif menerusi satu sistem penskoran.

Jelas beliau lagi, namun, kualiti bukan sekadar mengenai produk, tetapi juga gaya hidup.

"Sebagai contoh, dalam projek ini, kami menyediakan landskap hijau dan dewan serba guna terbuka. Kami boleh saja membina dewan tertutup dengan penghawa dingin, tetapi kos akhirnya akan ditanggung oleh pembeli.

"Itulah yang cuba kami elak-

kan. Inilah nilai yang kami ingin berikan kepada pembeli rumah kami," katanya.

Di EdgeWood Residences, reka bentuk fasad pintar memainkan peranan penting dalam mengekalkan keselesaan dalaman. Bahagian luar berwarna bumi memantulkan cahaya inframerah untuk mengurangkan penyerapan haba, manakala balkoni panjang serta sirip seni bina menyediakan lebih banyak teduhan.

Ciri mesra alam dan penjimatkan tenaga seperti bahan rendah VOC, kelengkapan cekap tenaga, dan sistem penuaian air hujan turut menyumbang kepada persekitaran dalaman yang lebih sihat serta kesan alam sekitar yang lebih rendah.

Sementara itu, SkySanctuary Central Park, ruang hijau seluas 2.92 ekar eksklusif untuk penduduk EdgeWood Residences, menawarkan tasik pusat, kehijauan yang subur, serta biodiversiti semula jadi yang meningkatkan kualiti udara dan pengawalan suhu.

Selain unit kediaman individu, SkyWorld turut komited dalam mewujudkan ruang komuniti yang dinamik. Penduduk EdgeWood Residences menikmati pelbagai kemudahan, termasuk pavilion dengan konsep terbuka, pawagam mini, bilik permainan kanak-kanak, kolam renang, serta ruang kerja bersama, yang semuanya direka dengan pengudaraan semula jadi serta bahan mesra alam.

Pembangunan ini juga dilengkapi dengan teknologi pengecaman plat kenderaan, memberikan akses yang lancar dan selamat kepada penduduk, sekali gus meningkatkan kemudahan dan keselamatan.

Selain itu, EdgeWood Residences menggunakan lif inverter berkelajuan tinggi yang menjimatkan tenaga sebanyak 30 peratus berbanding lif konvensional, mengurangkan penggunaan tenaga sambil memastikan operasi yang lebih lancar dan cekap.